

Newspaper	Berita Harian
Date	16 September 2015

LANGKAH PROAKTIF EKONOMI

Pengumuman Najib legakan pelabur

BH - 16/9/2015

» Pendekatan ofensif strategi kerajaan peroleh impak maksimum

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pengumuman langkah proaktif ekonomi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bagi mengukuhkan asas ekonomi dan menangani kesan kegawatan kewangan dalam pasaran global amat dinantikan pasaran dan memberi kelegaan kepada pelabur.



Zulkifli Hamzah

Ketua Penyelidik MIDF Amanah Investment Bank Bhd, Zulkifli Hamzah, berkata kini tiba masanya kerajaan mengambil pendekatan ofensif sebagai strategi untuk memperoleh impak maksimum kepada ekonomi domestik.

“Langkah ini sudah lama dinantikan oleh pasaran selepas

agak lama kerajaan mengambil pendekatan defensif. Kemungkinan kerajaan menunggu masa sesuai untuk membuat pengumuman sebagai satu strategi untuk memperoleh impak maksimum.

Legakan pelabur

“Pasaran saham dan ringgit sudah lama tertekan. Pengumuman semalam (kelmarin) memberikan satu kelegaan kepada pelabur,” katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

Zulkifli berkata, pasaran saham semalam didagangkan agak berhati-hati selepas peningkatan mendadak yang direkodkan kelmarin.

“Hakikatnya, risiko pasaran masih lagi tinggi kerana Rizab Persekutuan (Fed) akan ber-

mesyuarat Khamis ini. Selepas mesyuarat, barulah pandangan ke hadapan ataupun visibiliti pasaran lebih jelas,” katanya.

Sementara itu, Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata langkah proaktif itu seharusnya dapat menstabilkan pasaran kewangan, membantu menangani kenaikan kos sara hidup serta mengurangkan kos perniagaan.

Katanya, inisiatif itu sedikit sebanyak dapat mengembalikan keyakinan bahawa ekonomi Malaysia akan terus mencatatkan pertumbuhan positif walaupun berdepan situasi sukar sama di peringkat domestik atau luar negara.

“Bagi mata wang pula, buat masa ini, ringgit diniagakan tinggi iaitu RM4.2978 (petang semalam). Bagaimanapun masih terlalu awal untuk diperkatakan memandangkan langkah yang diperkenalkan bersifat sederhana panjang.

“Di samping itu, ketidakpastian mengenai kadar faedah di Amerika Syarikat (AS), kelemahan ekonomi China serta harga komoditi dunia yang rendah akan terus memainkan peranan utama dalam menentukan hala tuju pasaran kewangan dunia,” katanya.

● Lonjakan saham FGV kesan insentif ekonomi - BISNES B4